



MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD



(Company No. 902884V)

(Sebuah Syarikat Milik Penuh Menteri Kewangan Diperbadankan)

KENYATAAN TENDER

MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD (902884-V) ("MRT Corp") adalah sebuah syarikat yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia untuk menjadi pemaju dan pemilik aset Projek Mass Rapid Transit Lembah Klang ("KVMRT"). Syarikat ini adalah milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan.

MRT Corp. mempelawa bakal Petender untuk mengambil bahagian dalam tender bagi pakej kerja yang dinyatakan di dalam jadual di bawah.

TAJUK TENDER DAN NOMBOR TENDER	SYARAT-SYARAT TENDER	HARGA DOKUMEN TENDER	TAKLIMAT TENDER (MANDATORI)
<p>PROPOSED MRT FEEDER BUS DEPOT AND RELATED SUPPORTING BUILDINGS AND FACILITIES FOR KLANG VALLEY MASS RAPID TRANSIT PROJECT, KAJANG LINE, AT LOT 2816 (PA 14383), PERSIARAN 2/118C, KAWASAN PERINDUSTRIAN DESA TUN RAZAK, MUKIM PETALING, DAERAH PETALING, WILAYAH PERSEKUTUAN, KUALA LUMPUR FOR MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD (MRT CORP) - Remaining Works as per Authority Requirements</p> <p>NO. TENDER: MRTCORP/KVMRT-SBK/CW(B)/T002/02-2021</p>	<p>Memiliki Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dari:</p> <p>CIDB Gred : G5-G7 Kategori & Pengkhususan : CE01 dan CE21</p> <p>DAN Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)</p> <p>Sijil Taraf Bumiputera (STB)</p>	<p>RM250.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh) Sahaja</p> <p>dalam bentuk</p> <p>Deraf Bank / Banker's Cheque</p> <p>Pembayaran kepada:-</p> <p>Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902884-V)</p>	<p>Tarikh : Jumaat, 16 April 2021</p> <p>Masa : 9.30 pagi</p> <p>Via : Platform Zoom (Dalam Talian)</p> <p>Untuk menyertai Taklimat Tender, semua Petender dikehendaki membuat pra-pendaftaran secara dalam talian di salah satu pautan di bawah:-</p> <p>1. Laman Web MRT Corp www.mymrt.com.my; 2. https://forms.gle/FCGEXBsXNlaxCiEog6 ; 3. Mengimbas Kod QR yang disediakan.</p> <p>Pra-pendaftaran akan bermula pada Jumaat, 9 April 2021 sehingga Rabu, 14 April 2021.</p> <p>Hanya Petender yang telah mendaftarkan dan memenuhi syarat-syarat tender sahaja akan menerima e-mel Zoom ID dan pautan untuk menyertai Taklimat Tender secara dalam talian.</p> <p>Sila imbas Kod QR untuk pra-pendaftaran:</p> 
<p>PROPOSED MRT FEEDER BUS DEPOT AND RELATED SUPPORTING BUILDINGS AND FACILITIES FOR KLANG VALLEY MASS RAPID TRANSIT PROJECT, KAJANG LINE, AT LOT 24728, JALAN SUNGAI SEKAMAT, 43000 MUKIM KAJANG, DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR DARUL EHSAN FOR MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD (MRT CORP) - Remaining Works as per Authority Requirements</p> <p>NO. TENDER: MRTCORP/KVMRT-SBK/CW(B)/T001/02-2021</p>	<p>Memiliki Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dari:</p> <p>CIDB Gred : G5-G7 Kategori & Pengkhususan : CE01 dan CE21</p> <p>DAN Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)</p> <p>Sijil Taraf Bumiputera (STB)</p>	<p>RM250.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh) sahaja</p> <p>dalam bentuk</p> <p>Deraf Bank / Banker's Cheque</p> <p>Pembayaran kepada:-</p> <p>Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902884-V)</p>	<p>Tarikh : Jumaat, 16 April 2021</p> <p>Masa : 3.00 petang</p> <p>Via : Platform Zoom (Dalam Talian)</p> <p>Untuk menyertai Taklimat Tender, semua Petender dikehendaki membuat pra-pendaftaran secara dalam talian di salah satu pautan di bawah:-</p> <p>1. Laman Web MRT Corp www.mymrt.com.my ; 2. https://forms.gle/FCGEdGEHejiWR6M48 ; 3. Mengimbas Kod QR yang disediakan.</p> <p>Pra-pendaftaran akan bermula pada Jumaat, 9 April 2021 sehingga Rabu, 14 April 2021.</p> <p>Hanya Petender yang telah mendaftarkan dan memenuhi syarat-syarat tender sahaja akan menerima e-mel Zoom ID dan pautan untuk menyertai Taklimat Tender secara dalam talian.</p> <p>Sila imbas Kod QR untuk pra-pendaftaran:</p> 

Dokumen Tender boleh dibeli mulai **Jumaat, 16 April 2021** (selepas Taklimat Tender) sehingga **Isnin, 26 April 2021** di alamat yang tertera di bawah:

TEMPAT JUALAN DAN PENYERAHAN DOKUMEN TENDER	MASA JUALAN DOKUMEN TENDER
<p>MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD</p> <p>Tender Document Collection Counter Tingkat 6, Menara I&P 1, No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur, Malaysia</p>	<p>Isnin hingga Khamis : 9:00 pagi – 12:30 tengahari dan 2.00 petang – 5.00 petang Jumaat : 9:00 pagi – 12:00 tengahari dan 2:30 petang – 5.00 petang</p>

Pembayaran bagi pembelian Dokumen Tender hanya boleh dibuat melalui Deraf Bank atau *Banker's Cheque* pada amaun yang dinyatakan di dalam jadual di atas dan dibayar di atas nama **Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd.** dan tidak dikembalikan.

Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar di dalam sampul surat bermeteri yang ditandakan dengan jelas Tajuk Tender dan Nombor Tender di bahagian atas tengah sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di MRT Corp., Jabatan Perolehan **tidak lewat dari jam 12:00 tengahari, Khamis, 6 Mei 2021.** Mana-mana penyerahan lewat akan dibatalkan serta-merta.

Selain dari syarat-syarat di atas, Petender **WAJIB** memenuhi **Kriteria Mandatori** seperti berikut:

KRITERIA MANDATORI
<p>1) Tiada rekod kes kemalangan pekerjaan yang menyebabkan kematian di tempat kerja dalam tempoh dua (2) tahun terakhir.</p> <p>2) Tiada kompaun DOSH ATAU penalti melebihi RM20,000 bagi satu kes dalam tempoh tiga (3) tahun terakhir. Sekiranya ada, Petender boleh mengemukakan 'Prove of Improvement Action' sebagai kelayakan.</p> <p>3) Tiada kompaun DOE ATAU penalti melebihi RM50,000 bagi setiap kes dalam tempoh tiga (3) tahun terakhir. Sekiranya ada, Petender harus mengemukakan 'Prove of Improvement Action' sebagai kelayakan.</p>

Nota:

- Petender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor berpengalaman yang memenuhi kriteria mandatori serta berdaftar dengan badan pendaftaran yang berkaitan di bawah gred dan kategori seperti yang diperincikan di dalam jadual di atas. Pendaftaran mestilah masih sah dan dibenarkan membuat tawaran dalam tempoh tender.
- Petender **WAJIB** menyertai Taklimat Tender secara dalam talian pada tarikh, masa dan tempat seperti yang diperincikan di dalam jadual di atas.
- Dokumen Tender akan mula dipamerkan dan dijual pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan dalam jadual di atas. Petender boleh meneliti Dokumen Meja Tender (TTD) sebelum membuat pembelian.
- Dokumen Tender hanya akan dijual kepada Petender yang telah menyertai sesi Taklimat Tender sahaja. MRT Corp. **TIDAK AKAN** melayan sebarang permohonan untuk membeli Dokumen Tender sebelum dan / atau selepas waktu yang telah dijadualkan di atas.
- Dokumen Tender ini hanya akan dijual kepada wakil Petender yang sah "bona fide". Untuk tujuan tersebut, wakil Petender **WAJIB** mengemukakan **Surat Pengesahan** sebagai wakil serta sijil pendaftaran **PPK dan SPKK** daripada **CIDB dan STB** daripada **PKK** yang 'ASAL' dan 'SALINAN YANG DISAHKAN' (oleh Setiausaha Syarikat atau Pengarah Syarikat) untuk mengesahkan kelayakan Petender.
- Kesemua Petender mestilah mematuhi semua keperluan statutori dan undang-undang termasuklah pindaan yang berkaitan yang dikuatkuasa oleh Kerajaan Malaysia.
- Selaras dengan arahan Mahkamah Persekutuan Malaysia [Ruj. (44) dlm JK/MP/53/WP (140/97), 23 Jun 2005] Petender adalah diingatkan bahawa salinan sijil yang telah diakui sah oleh Pesuruhjaya Sumpah **TIDAK** akan diterima.
- Dengan mengeluarkan kenyataan tender ini, MRT Corp. tidak terikat dengan apa-apa cara untuk menerima harga tender paling rendah atau mana-mana tender.
- MRT Corp. berhak untuk menerima atau menolak mana-mana tender daripada mana-mana Petender tanpa menyatakan apa-apa sebab serta tanpa perlu menanggung sebarang liabiliti dari segala segi terhadap Petender yang terlibat atau menyatakan sebab keputusan tersebut dibuat.
- Sebarang pertanyaan berhubung dengan tender ini hendaklah dibuat secara bertulis dan di fakskan ke talian **03-2095 2121** atau e-mel kepada procurement@mymrt.com.my. Maklumat lanjut mengenai MRT Corp. boleh dilayari di laman web kami di www.mymrt.com.my.